

# 31 peserta OKU sertai kursus dalam talian

Oleh Yap Slong Han

UB 12.10.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan kursus dalam talian dan telah dihadiri oleh 31 peserta Orang Kurang Upaya (OKU) yang terdiri daripada kategori OKU-Fizikal, OKU Pelbagai dan OKU Penglihatan.

Ketua Program Profesor Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Bahari berkata, kursus dalam talian diadakan selama enam hari iaitu 18 sehingga 23 September lalu merupakan salah satu program dibawah projek penyelidikan 'Pembentukan Dan Penilaian Modul Psiko-usahawan Orang Kurang Upaya (MP-OKU) Ke Arah Memperkasa OKU Di Negeri Sabah'.



**MUHAMMAD IDRIS**

Beliau berharap agar kursus ini memberikan impak yang besar kepada kehidupan golongan OKU dan memperoleh pengalaman yang baharu.

"Saya juga berharap agar kursus ini menjadi satu platform untuk melahirkan usahawan yang berjaya dalam kalangan OKU sehingga terkenal di seantero dunia.

"Melihat kepada keadaan ekonomi semasa dan kehidupan masyarakat yang semakin terhimpit terutamanya

dalam kalangan OKU, maka kursus ini dilihat sebagai satu peluang untuk membuka minda golongan OKU dalam meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup mereka pada masa yang akan datang," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Oleh yang demikian katanya, antara objektif kursus yang digariskan ialah memberi pengetahuan dan kemahiran psikologi, kesejahteraan subjektif, personaliti dan kecerdasan emosi dalam kalangan peserta OKU.

Selain itu katanya, kursus itu akan memberi pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan serta keusahawanan dalam kalangan peserta OKU, memberi pengetahuan, kemahiran kepada OKU berkenaan strategi menjalankan perniagaan yang mampan selepas pandemik.

Para peserta begitu teruja mengikuti program ini dan menyifatkan bahawa kursus ini sangat berguna untuk

golongan OKU.

Seorang peserta kursus berkata, berpendapat pengetahuan, pengalaman dan cara mudah untuk membuka perniagaan hingga berjaya adalah penting.

Beliau juga berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan bagi membantu golongan OKU dalam memulakan langkah pertama perniagaan mereka.

Penerimaan daripada kalangan peserta kursus juga amat menggalakkan. Masing-masing memberikan maklum balas yang positif kerana kursus ini sangat bermanfaat kepada mereka.

Oleh itu, mereka berharap agar kursus sumpamanya diadakan secara berterusan untuk membantu mereka yang memerlukan terutamanya golongan OKU dalam memulakan perniagaan bagi meningkatkan kualiti hidup dan ekonomi mereka terutamanya selepas era COVID-19.